



Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) melepaskan tukun tiruan pada program 'Winning Hearts and Minds' - Kembara Ke Tioman.

[FOTO AFIF ABD HALIM /BH]

UMP bantu pulihara hidupan marin

OH (Wilayah)
Dumas 15/1/13
ms N3

Rompin: Universiti Malaysia Pahang (UMP) melabuhkan 15 tukun tiruan di Taman Laut Kampung Tekek, Pulau Tioman bagi meningkatkan kesedaran memulihara hidupan marin.

Program 'Winning Hearts and Minds' - Kembara ke Tioman turut disertai kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta pelajar UMP, pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Jabatan Taman Laut Malaysia.

Mereka melabuhkan tukun tiruan diperbuat daripada konkrit dan besi yang diau di dasar laut sebagai tempat pembiakan haiwan marin dan terumbu karang serta juga penahan ombak di pulau ke-10 tercantik di dunia itu.

Siap tiga minggu

Pengarah program itu, Teo Sir Hiang, 23, berkata seramai 17 pelajar UMP dibimbing pensyarahnya, Dr Gan Leong Ming menyiapkan semua tukun tiruan selama tiga minggu.

"Ini adalah projek tanggungjawab sosial kita kepada masyarakat di pulau ini bagi menyemai amalan cintakan alam sekitar dan memelihara serta melindungi hidupan laut," katanya.

Program melabuhkan tukun tiruan itu turut disaksikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tioman, Datuk Kapten (B) Mohd Johari Hussin.

Mohd Johari berkata, usaha berkenaan yang pertama seumpamanya dilakukan oleh universiti bagi pemuliharaan hidupan laut, terutama terumbu karang.

"Program ini memberi manfaat kepada alam sekitar dan penduduk tetapi biasanya dilakukan pertubuhan bukan kerajaan berkaitan alam sekitar," katanya.

Tarik pelancong

Sementara itu, seorang penduduk, Sipati Mohd Jamil, 54, berkata sumbangan itu bukan saja dapat memelihara hidupan marin di taman laut itu tetapi juga menarik lebih ramai pelancong datang ke pulau berkenaan.

"Ramai pelancong datang ke pulau ini untuk skuba dan menyelam bagi menyaksikan sendiri keindahan terumbu karang dan hidupan laut," katanya.

Pelbagai aktiviti turut diadakan sempena program itu, termasuk pemeriksaan kesihatan oleh pelajar Fakulti Perubatan UIAM, perlawanan persahabatan bola sepak, program kerohanian dan gotong-royong pembersihan pantai.